



MALAYSIA

Terkini & Tepat

# Ada PhD lebih baik atau tidak?

● AZIZI AHMAD October 14, 2019 8:00 am



Berita 'Tun Daim terima ijazah di usia 81 tahun, graduan tertua di UM' memang sesuatu yang memberangsangkan sungguh pun ia mengambil masa 11 tahun sejak 2008 bagi menamatkan pengajian kedoktorannya.

Mungkin ia merupakan suatu kepuasan diri kerana dengan status dan kedudukan beliau sebagai ahli korporat, Jemaah Menteri, penasihat kerajaan dan sebagainya , beliau juga mungkin mahu menunjukkan bahawa usia bukan penghalang dan ilmu hendaklah dipelajari dan diperolehi walaupun pada usia sedemikian.

Buat masa kini, semakin ramai boleh melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Doktor Falsafah kerana peluang dan kemudahan tersebut memang tetap ada.

Dikatakan , lagi ramai rakyat sesebuah negara memperolehi PhD atau D.Ed , semakin meningkatlah martabat pendidikan negara di mata dunia.

PhD adalah singkatan bagi Philosophy of Doctor dan D.Ed singkatan bagi Doctor in Education, dimana mereka yang berjaya menamatkan pengajian diantara 3-4 tahun (ada yang lebih dari 4 tahun) pengajian layak dan boleh diberi gelaran atau dipanggil 'Doktor' dihadapan nama beliau.

Sudah tentu sesiapa sahaja akan berasa bangga mendapatkan ijazah tertinggi ini.

Pastinya paling tidak merakamkan hari bersejarah bersama keluarga dan berkongsi dengan rakan-rakan rakaman bersejarah tentunya menjadi hasrat.

Tidak ada yang salah dengan perasaan dicapai. Tetapi apa yang membuatnya salah dan tidak kena ialah apabila anda mula memandang rendah terhadap orang lain, atau menganggap orang lain bukan "sepintar, sebijak atau sehebat" seperti anda.

Mungkin sikap ini dibentuk oleh budaya masyarakat atau komuniti tertentu.

Mempunyai PhD tidak menjadikan anda orang yang paling bijak atau hebat di dunia. Ini tidak bermakna anda tidak boleh mendengar pendapat yang datang daripada mereka yang tidak mempunyai PhD.

Mereka boleh jadi lebih bijak, lebih intelektual dan mempunyai pendekatan dan cara yang lebih hebat dari anda yang mempunyai PhD.

Mungkin mereka memilih untuk tidak melanjutkan pengajian PhD, atau mereka tidak mahu menyambung pengajian untuk sebab tertentu.

Mempunyai PhD tidak bermakna anda tidak boleh belajar dari mereka yang mempunyai kelayakan yang lebih rendah.

Sesiapa sahaja boleh menjadi guru anda. Dan mereka juga boleh menjadi pelajar anda.

Saya telah menemui banyak pelajar hebat dan saya tidak malu belajar dari mereka.

Anda juga tidak boleh mengaku diri dan membahasakan diri anda sebagai seorang 'sarjana kedoktoran' atau meminta orang lain mengiktiraf diri anda sebagai 'Doktor (Dr.)' selagi anda tidak membuktikan 'surat anugerah kelayakan' .

Anda juga tidak perlu 'malu' jika anda gagal dalam mendapatkan 'pengiktirafan kelayakan' kerana panggilan, pangkat atau status anda tanpa istilah 'doktor' dihadapan nama anda bukanlah bermakna anda seorang yang 'gagal'.

Adalah menyediakan melihat para sarjana yang menganggap mereka berada di puncak dunia hanya kerana mereka mempunyai PhD.

Adalah menganggukan apabila mereka fikir semua orang harus pintar dan berjaya seperti mereka, dan mahu dianggap 'hebat', dianggap pandai, dianggap tidak boleh ditegur, dan enggan mengalah didalam sebarang perbincangan.

Sesiapa sahaja akan terpanggil untuk tidak menghormati mereka yang seolah riak, sompong, lupa diri dan angkuh terutama mereka dari golongan pendidik.

Sungguh pun bilangan dan penerima PhD kini dikatakan bertambah setiap tahun, banyak penulisan yang menyoal dan mempertikaikan perolehan mereka yang bergelar 'doktor'.

Jenis yang paling ramai adalah mereka yang bercakap hebat dan ada juga melalui percakapan atau pembentangan mereka tidak dapat membuktikan nilai mereka sebagai sarjana. Ada juga bercakap melalui 'emosi'.

Mereka membuat anda berfikir, bagaimana mereka berjaya mendapat PhD sebenarnya.

Ia tidak akan menurunkan atau merendahkan status anda sedikit pun dengan hanya mendengar apa yang orang lain katakan.

Lagipun, itulah cara kita belajar dan berkembang kecuali anda benar-benar berfikir bahawa tiada apa lagi untuk anda pelajari kerana anda sudah berada di kemuncak.

Sudah tentu, ini bukanlah kes bagi semua orang tetapi hakikat bahawa ada orang-orang seperti ini meninggalkan rasa tidak enak di kalangan orang lain.

Kononnya jika anda mempunyai PhD maka tinggilah ilmu anda, bukan lah menunjukkan adalah lebih hebat atau matang.

Jika tesis anda berjudul 'Doraemon dan Nabita', mampukah ilmu 'doraemon' itu memberi manfaat kepada orang lain dalam bidang STEM atau pun TVET.

Ilmu yang bermanfaat adalah ilmu yang mampu memberi kebaikan melalui jiwa yang suci dan murni.

Jika ilmu yang dituntut bertujuan untuk kepentingan diri, inginkan pujian terutama kepada mereka yang akan kembang dengan hebatnya jika dipanggil 'doketo', maka ini hanya merupakan 'doktor' bergelar hanya untuk kepuasan peribadi. Seronok dan banggalah anda dengan gelaran yang anda impikan seorang diri.

---

*\*Penulis adalah seorang pendidik senior*